


# PROGRAM
# '*KNOWLEDGE SHARING*'
# CKBA1 BIL 13/2019

# PENTADBIRAN KONTRAK

Sr MOHAMMAD HARITH BIN MOHD YUNOS

**Registered Professional QS (PQS)**
**Member of Royal Institution of Surveyors Malaysia (MRISM)**
**Bsc in Quantity Surveying (UM)**
**Msc in Construction Contract Management (UTM)**
**JKR Project Manager Competency (Level 4)**

CAWANGAN KERJA BANGUNAN AM 1 (CKBA1)
JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

# AKTA KONTRAK 1950




***Point 1***

- Section 2(h) of the Contract Act 1950 defines contracts as *'agreements enforceable by law'*.

***Point 2***

- Agreements are created by the process of *'offer'* and *'acceptance'*.

***Point 3***

- **Section 2(e)** of the Contract Act 1950 provides that *'every promise and every set of promises, forming the consideration for each other, is an agreement'.*

***Point 4***

- Thus, generally, all contracts are agreements, but not all agreements are contracts.

# Kontrak akan terbentuk apabila elemen-elemen berikut dipenuhi :-

- **TAWARAN – Seksyen 2(a) Akta Kontrak 1950**
- **PENERIMAAN – Seksyen 2(b) Akta Kontrak 1950**
- **BALASAN – Seksyen 2(d) Akta Kontrak 1950**
- **NIAT – Seksyen 2(h) Akta Kontrak 1950**
- **KETENTUAN – Seksyen 30 Akta Kontrak 1950**
- **KEUPAYAAN – Seksyen 11 Akta Kontrak 1950**

# SURAT SETUJU TERIMA (SST) / LETTER OF AWARD

- Definisi : Surat rasmi memaklumkan penerimaan tanpa syarat daripada kerajaan ke atas tawaran syarikat. *(PK 4.2)*

- SST hendaklah dikeluarkan kepada syarikat yang Berjaya secepat mungkin – sebaik keputusan dari PBM di terima.

↓

- SST dikeluarkan dalam tempoh sah laku tender / sebut harga.

↓

- PBM : Kementerian Kewangan / Lembaga Perolehan / Jawatankuasa Sebutharga .



# SURAT NIAT

Sekiranya Kerajaan berhasrat menerima tawaran – yang memerlukan Rundingan / Pengubahsuaian : Surat Niat hendaklah dikeluarkan.

SURAT NIAT : Ikatan kontrak masih belum wujud.

Agensi dilarang – mengarahkan syarikat melaksanakan Bekalan /Perkhidmatan / Kerja : Untuk mengelakkan bayaran secara QUANTUM MERUIT

Tindakan Surcaj / Tatatertib

# Pemberian Kuasa Dibawah Seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949

**MENTERI KERJA RAYA, MALAYSIA**
*(MINISTER OF WORKS, MALAYSIA)*

**PEMBERIAN KUASA DIBAWAH SEKSYEN 2**
**AKTA KONTRAK KERAJAAN 1949**
**(DISEMAK 1973)**

SAYA BARU BIAN MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA, DENGAN INI MEMBERI KUASA KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI KEMENTERIAN KERJA RAYA YANG DISEBUTKAN JAWATANNYA DALAM JADUAL DI BAWAH INI, UNTUK MENANDATANGANI BAGI PIHAK KERAJAAN MALAYSIA APA-APA KONTRAK DI BAWAH KEMENTERIAN KERJA RAYA MENGIKUT JAWATAN PEGAWAI DAN HAD HARGA KONTRAK YANG DISEBUTKAN DALAM JADUAL BERIKUT:

| BIL. | JAWATAN | HARGA KONTRAK (TIDAK MELEBIHI) |
|---|---|---|
| 1. | KETUA PENGARAH KERJA RAYA | RM100 JUTA |
| 2. | TIMBALAN KETUA PENGARAH KERJA RAYA | RM50 JUTA |
| 3. | PENGARAH KANAN CAWANGAN | RM20 JUTA |
| 4. | PENGARAH CAWANGAN | RM10 JUTA |
| 5. | PENGARAH KERJA RAYA NEGERI/ WILAYAH | RM 10 JUTA |
| 6. | TIMBALAN PENGARAH KERJA RAYA NEGERI/ WILAYAH | RM5 JUTA |
| 7. | PENGARAH JKR UNIT KHAS KESEDAR | RM5 JUTA |
| 8. | KETUA PENOLONG PENGARAH KANAN ELEKTRIK (PENYENGGARAAN), JALAN CHERAS | RM3 JUTA |
| 9. | KETUA JURUTERA MEKANIKAL (WORKSYOP PERSEKUTUAN), JALAN CHERAS | RM 3 JUTA |

KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

# Pemberian Kuasa Dibawah Seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949

| BIL. | JAWATAN | HARGA KONTRAK (TIDAK MELEBIHI) |
|---|---|---|
| 10. | KETUA PENOLONG PENGARAH KANAN/ KETUA PENOLONG PENGARAH (ELEKTRIK) NEGERI | RM3 JUTA |
| 11. | KETUA PENOLONG PENGARAH KANAN/ KETUA PENOLONG PENGARAH (MEKANIKAL) NEGERI | RM 3 JUTA |
| 12. | JURUTERA DAERAH / JAJAHAN | RM 1 JUTA |
| 13. | JURUTERA KANAN (AWAM / MEKANIKAL / ELEKTRIK) / JURUTERA (AWAM / MEKANIKAL / ELEKTRIK), UNIT KERJA TENTERA JKR | RM 1 JUTA |

DENGAN BERKUATKUASANYA SURAT PEMBERIAN KUASA INI, MAKA SURAT PEMBERIAN KUASA BIL. KKR.BK.(S)400-12/2/9 JILID 26 ( 42 ) BERTARIKH 25 MEI 2017 ADALAH DIBATALKAN.

(BARU BIAN)
MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA

BERTARIKH: 12/11/2018
KUALA LUMPUR
KKR.BK.(S)400-12/2/9 JILID 29 ( 40 )

# PK 4.2 : 6.1

| Kategori Perolehan | Kaedah Bayaran | Dokumen Yang Perlu Dikemukakan Kepada Pejabat Pembayaran | Pihak Melulus |
|---|---|---|---|
| Kerja | (a) Bayaran kemajuan sehingga 3 kali dalam tempoh 4 bulan pertama selepas keluarnya surat setuju terima dan sebelum kontrak formal ditandatangan.<br><br>(b) Bayaran kemajuan yang seterusnya akan hanya dibuat selepas kontrak formal ditandatangan. | (a) SST yang telah ditandatangan dan dikembalikan;<br><br>(b) Bon pelaksanaan telah dikemukakan; dan<br><br>(c) Apa-apa syarat-syarat tambahan seperti polisi-polisi insurans sebagaimana yang dinyatakan dalam syarat-syarat kontrak telah dikemukakan. | (a) Pegawai Penguasa yang dinamakan dalam perjanjian kontrak atau pegawai lain yang diberi kuasa oleh Pegawai Penguasa<br><br>(i) Setelah berpuas hati bahawa syarikat telah melaksanakan kerjanya dengan baik dan telah mencapai tahap kemajuan kerja yang setimpal seperti mana disyaratkan; dan<br><br>(ii) Pegawai Penguasa bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keputusan yang dibuat. |

# *PENTADBIRAN KONTRAK SEPINTAS LALU*



# PERFORMANCE BOND / PERFORMANCE GUARANTEE SUM




## CLAUSE 13.0

# BON PELAKSANAAN / PERFORMANCE BOND
# PK 4.2

AKU JANJI TIDAK BERSYARAT INSTITUSI KEWANGAN YANG DIBENARKAN OLEH KEMENTERIAN KEWANGAN – UNTUK MEMBAYAR KEPADA KERAJAAN ATAS TUNTUTAN KERAJAAN – SEKIRANYA SYARIKAT TIDAK/GAGAL MEMATUHI/MELAKSANAKAN OBLIGASINYA.

KONTRAK MELEBIHI RM200,000.00

# BON PELAKSANAAN / PERFORMANCE BOND

- BON PELAKSANAAN : RINGGIT MALAYSIA
- JAMINAN BANK / SYARIKAT KEWANGAN
- JAMINAN BANK ISLAM
- JAMINAN INSURAN / TAKAFUL
- JAMINAN BPMB /SME BANK
- AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013

# BON PELAKSANAAN / PERFORMANCE BOND



BON PELAKSANAAN – KONTRAK KERJA :

5% HARGA KONTRAK : BAGI KONTRAK LEBIH RM200,000

DALAM BENTUK JAMINAN BANK / SYARIKAT KEWANGAN / INSURAN / BANK ISLAM / TAKAFUL atau KAEDAH WANG JAMINAN PELAKSANAAN

BON PELAKSANAAN NSC – KEPADA KONTRAKTOR UTAMA

WJP – KONTRAKTOR KERJA TEMPATAN – NSC TIDAK DIBENARKAN

# WANG JAMINAN PELAKSANAAN / PERFORMANCE GUARANTEE SUM



WANG JAMINAN PELAKSANAAN (WJP) :

↓

SATU KEMUDAHAN  BAGI MEMENUHI BON PELAKSANAAN

↓

5% HARGA KONTRAK – DIPEGANG OLEH KERAJAAN – BAGI MEMASTIKAN KONTRAKTOR MELAKSANAKAN OBLIGASINYA

↓

POTONGAN 10% DARIPADA BAYARAN KEMAJUAN SEHINGGA MENCAPAI 5% HARGA KONTRAK

# BON PELAKSANAAN / PERFORMANCE BOND



| TEMPOH SAH LAKU BON PELAKSANAAN : | |
|---|---|
| HARGA KONTRAK | TEMPOH |
| SEHINGGA RM10 Juta | TEMPOH KONTRAK + DLP + 12 Bulan |
| LEBIH RM10 Juta | TEMPOH KONTRAK + DLP + 24 Bulan |

KETUA PENGARAH KERJA RAYA

*DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC WORKS*

Rujukan : JKR.KPKR:121.010/05 Jld.12 ( 8 )
Tarikh : 15 Februari 2018

Semua Pengarah Kanan/Pengarah Cawangan Ibu Pejabat JKR
Semua Pengarah Kerja Raya Negeri
Semua Pengarah Kerja Raya Wilayah Persekutuan
Semua Pengarah/Pengurus Pembinaan
Pengarah JKR Unit Khas
Pengarah JKR KESEDAR
Semua Jurutera Daerah

**SURAT ARAHAN KPKR BIL. 4 /2018**

**TEMPOH SAH LAKU BON PELAKSANAAN BAGI KOS PROJEK SEHINGGA RM10 JUTA DAN MELEBIHI RM10 JUTA**

---

**1.0 TUJUAN**

Surat Arahan ini bertujuan untuk memaklumkan tempoh sah laku Bon Pelaksanaan bagi projek serta meminda beberapa fasal kepada syarat-syarat kontrak P.W.D. FORM 203/203A (Rev. 1/2010) dan PWD FORM DB (Rev. 1/2010) selaras dengan peraturan terkini Pekeliling Perbendaharaan Perolehan Kerajaan PK4.2 yang telah berkuatkuasa mulai dari 1 September 2017.

**2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 Bon Pelaksanaan adalah suatu aku janji tidak bersyarat oleh sesuatu institusi kewangan yang diluluskan oleh Kerajaan untuk membayar kepada Kerajaan suatu amaun tertentu atas tuntutan Kerajaan sekiranya syarikat tidak atau gagal mematuhi dan melaksanakan obligasinya di bawah kontrak.



Jabatan Kerja Raya Malaysia
*Public Works Department Malaysia*
Aras 33, Menara Kerja Raya, Ibu Pejabat JKR Malaysia, Jalan Sultan Salahuddin, 50480 Kuala Lumpur
Tel.: 03- 2618 8421 Faks: 03-2618 8799 https://www.jkr.gov.my

**LAMPIRAN A**

ADDENDUM NO.3 TO THE CONDITIONS OF CONTRACT

P.W.D. FORM 203 / 203A (Rev. 1/2010)

| NO. | AMENDMENTS |
|---|---|

1. **Page 10, Clause 13**

**13.0 PERFORMANCE BOND / PERFORMANCE GUARANTEE SUM**

1.1 Substitute the Clause 13.1(a) with the new Clause 13.1 (a) as follows:

13.1 (a) The Contractor shall, on the date of the possession of Site, provide a Performance Bond or Performance Guarantee Sum as the case may be substantially in the form as in Appendix issued by an approved licensed bank or financial institution incorporated in Malaysia in favour of the Government for a sum equivalent to five percent (5%) of the total Contract Sum as specified in Appendix to secure the due performance of the obligations under this Contract by the Contractor. The Performance Bond shall remain valid and effective until ***twelve (12) / twenty four (24) months** after the expiry of the Defect Liability Period or the issuance of the Certificate of Completion of Making Good Defects, whichever is the later.

1.2 Substitute the Clause 13.2 with the new Clause 13.2 as follows:

13.2 The Contractor may opt for a Performance Bond in the form of Performance Guarantee Sum in lieu of the Bank, Insurance or Finance Company Guarantee as specified in clause 13.1 hereof whereby deductions of ten percent (10%) shall be made from the first interim payments and subsequent interim payment until the total amount deducted aggregate to a sum equivalent to five percent (5%) of the Contract Sum. The amount deducted shall be retained by the Government up to ***twelve (12) / twenty four (24) months** after the expiry of the Defect Liability Period or the issuance of the Certificate of Completion of Making Good Defects, whichever is the later.

**Delete whichever is not applicable :-*

*Contract sum up to RM10 million : twelve (12) months,*

*Contract sum more than RM10 million : twenty four (24) month*

LAMPIRAN 26

**BORANG JAMINAN BANK/JAMINAN SYARIKAT KEWANGAN/ JAMINAN INSURANS UNTUK BON PELAKSANAAN (KONTRAK KERJA YANG BERNILAI SEHINGGA RM10 JUTA)**

Sebagai balasan kepada Kontrak No. ............................ yang dibuat antara Kerajaan Malaysia, (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kerajaan") dan ......................................, (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kontraktor") bagi ................................ (namakan projek), (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kontrak") kami yang bertandatangan di bawah, (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Penjamin") atas permohonan Kontraktor, mengaku janji yang tak boleh batal untuk memberi Jaminan kepada Kerajaan ke atas pelaksanaan yang sepatutnya Kontrak tersebut mengikut cara sebagaimana yang terdapat kemudian daripada ini.

MAKA Penjamin dengan ini bersetuju dengan Kerajaan seperti berikut:

1. Apabila sahaja Kerajaan membuat tuntutan bertulis, maka Penjamin hendaklah dengan serta merta membayar kepada Kerajaan nilai yang ditentukan dalam tuntutan tersebut tanpa mengira sama ada terdapat apa-apa bantahan atau tentangan daripada Kontraktor atau Penjamin atau mana-mana pihak ketiga yang lain dan tanpa bukti atau bersyarat. Dengan syarat sentiasanya bahawa jumlah tuntutan yang dibuat tidak melebihi sebanyak Ringgit .......................................... (nyatakan nilai jaminan dalam perkataan) (RM ..................) dan bahawa tanggungan Penjamin untuk membayar kepada Kerajaan di bawah Perjanjian ini tidak melebihi nilai tersebut di atas.

2. Kerajaan berhak untuk membuat apa-apa tuntutan sebahagian jika dikehendakinya dan jumlah kesemua tuntutan sebahagian itu hendaklah tidak melebihi nilai Ringgit ............................................ (nyatakan nilai jaminan dalam perkataan) (RM ..........) dan liabiliti Penjamin untuk membayar kepada Kerajaan jumlah yang disebutkan terdahulu hendaklah dikurangkan dengan perkadaran yang bersamaan dengan apa-apa bayaran sebahagian yang telah dibuat oleh Penjamin.

3. Penjamin tidak boleh dibebaskan atau dilepaskan dari Jaminan ini oleh sebarang perkiraan yang dibuat antara Kontraktor dan Kerajaan sama ada dengan atau tanpa persetujuan Penjamin atau oleh sebarang perubahan tentang kewajipan yang diaku janji oleh Kontraktor atau oleh sebarang penangguhan sama ada dari segi pelaksanaan, masa, pembayaran atau sebaliknya.

4. Jaminan ini adalah Jaminan yang berterusan dan tak boleh batal dan hendaklah berkuat kuasa sehingga ................. (kemudian daripada ini disebut ("Tarikh Mati Asal") (*Initial Expiry Date*) iaitu dua belas (12) bulan selepas tarikh tamat tempoh kecacatan atau dalam keadaan di mana kontrak dibatalkan, satu (1) tahun selepas tarikh kontrak dibatalkan. Penjamin hendaklah melanjutkan Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) Jaminan ini untuk tempoh tambahan selama tidak melebihi satu (1) tahun daripada Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) (kemudian daripada ini disebut "Tarikh Mati Lanjutan") (*Extended Expiry Date*) apabila diminta oleh Kerajaan dan Jaminan ini adalah dengan ini dilanjutkan. Jumlah agregat maksimum yang Kerajaan berhak di bawah Perjanjian ini mestilah sentiasa dipastikan tidak melebihi jumlah Ringgit ............................ (nyatakan nilai Jaminan dalam perkataan) (RM ..........).

5. Apa-apa tanggungjawab dan tanggungan Penjamin di bawah Perjanjian ini hendaklah luput apabila Perjanjian ini tamat pada Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) atau Tarikh Mati Lanjutan (*Extended Expiry Date*) melainkan jika sebelumnya Kerajaan telah meminta secara bertulis kepada Penjamin untuk membayar sejumlah wang tertentu yang masih belum dijelaskan mengikut peruntukan kontrak.

6. SEMUA TUNTUTAN BERKAITAN DENGAN JAMINAN INI, JIKA ADA, MESTILAH DITERIMA OLEH PIHAK BANK/SYARIKAT KEWANGAN/ SYARIKAT INSURANS DALAM TEMPOH SAH LAKU JAMINAN INI ATAUPUN DALAM MASA EMPAT (4) MINGGU DARI TAMATNYA TARIKH JAMINAN INI, MENGIKUT MANA YANG LEBIH KEMUDIAN.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS pihak-pihak kepada Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan dan meteri mereka pada hari dan tahun yang mula-mula tertulis di atas.

| | |
|---|---|
| Ditandatangani untuk dan bagi pihak Penjamin di hadapan | ) .............................................<br>) Nama : ..................................<br>) Jawatan : ............................<br>) Cop Bank/Syarikat Kewangan/ Syarikat Insurans: |

.........................................................................
(Saksi)

Nama : .......................................................
Jawatan : .................................................
Cop Bank/Syarikat Kewangan/Syarikat Insurans :

**BORANG JAMINAN BANK/JAMINAN SYARIKAT KEWANGAN/ JAMINAN INSURANS UNTUK BON PELAKSANAAN (KONTRAK KERJA YANG BERNILAI MELEBIHI RM10 JUTA)**

Sebagai balasan kepada Kontrak No. ............................ yang dibuat antara Kerajaan Malaysia, (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kerajaan") dan ......................................, (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kontraktor") bagi ................................ (namakan projek), (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kontrak") kami yang bertandatangan di bawah, (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Penjamin") atas permohonan Kontraktor, mengaku janji yang tak boleh batal untuk memberi Jaminan kepada Kerajaan ke atas pelaksanaan yang sepatutnya Kontrak tersebut mengikut cara sebagaimana yang terdapat kemudian daripada ini.

MAKA Penjamin dengan ini bersetuju dengan Kerajaan seperti berikut:

1. Apabila sahaja Kerajaan membuat tuntutan bertulis, maka Penjamin hendaklah dengan serta merta membayar kepada Kerajaan nilai yang ditentukan dalam tuntutan tersebut tanpa mengira sama ada terdapat apa-apa bantahan atau tentangan daripada Kontraktor atau Penjamin atau mana-mana pihak ketiga yang lain dan tanpa bukti atau bersyarat. Dengan syarat sentiasanya bahawa jumlah tuntutan yang dibuat tidak melebihi sebanyak Ringgit .......................................... (nyatakan nilai jaminan dalam perkataan) (RM ..................) dan bahawa tanggungan Penjamin untuk membayar kepada Kerajaan di bawah Perjanjian ini tidak melebihi nilai tersebut di atas.

2. Kerajaan berhak untuk membuat apa-apa tuntutan sebahagian jika dikehendakinya dan jumlah kesemua tuntutan sebahagian itu hendaklah tidak melebihi nilai Ringgit ............................................ (nyatakan nilai jaminan dalam perkataan) (RM ..........) dan liabiliti Penjamin untuk membayar kepada Kerajaan jumlah yang disebutkan terdahulu hendaklah dikurangkan dengan perkadaran yang bersamaan dengan apa-apa bayaran sebahagian yang telah dibuat oleh Penjamin.

3. Penjamin tidak boleh dibebaskan atau dilepaskan dari Jaminan ini oleh sebarang perkiraan yang dibuat antara Kontraktor dan Kerajaan sama ada dengan atau tanpa persetujuan Penjamin atau oleh sebarang perubahan tentang kewajipan yang diaku janji oleh Kontraktor atau oleh sebarang penangguhan sama ada dari segi pelaksanaan, masa, pembayaran atau sebaliknya.

4. Jaminan ini adalah Jaminan yang berterusan dan tak boleh batal dan hendaklah berkuat kuasa sehingga ................. (kemudian daripada ini disebut ("Tarikh Mati Asal") (*Initial Expiry Date*) iaitu dua puluh empat (24) bulan selepas tarikh tamat tempoh kecacatan atau dalam keadaan di mana kontrak dibatalkan, satu (1) tahun selepas tarikh kontrak dibatalkan. Penjamin hendaklah melanjutkan Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) Jaminan ini untuk tempoh tambahan selama tidak melebihi satu (1) tahun daripada Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) (kemudian daripada ini disebut "Tarikh Mati Lanjutan") (*Extended Expiry Date*) apabila diminta oleh Kerajaan dan Jaminan ini adalah dengan ini dilanjutkan. Jumlah agregat maksimum yang Kerajaan berhak di bawah Perjanjian ini mestilah sentiasa dipastikan tidak melebihi jumlah Ringgit ............................ (nyatakan nilai Jaminan dalam perkataan) (RM ..........).

5. Apa-apa tanggungjawab dan tanggungan Penjamin di bawah Perjanjian ini hendaklah luput apabila Perjanjian ini tamat pada Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) atau Tarikh Mati Lanjutan (*Extended Expiry Date*) melainkan jika sebelumnya Kerajaan telah meminta secara bertulis kepada Penjamin untuk membayar sejumlah wang tertentu yang masih belum dijelaskan mengikut peruntukan kontrak.

6. SEMUA TUNTUTAN BERKAITAN DENGAN JAMINAN INI, JIKA ADA, MESTILAH DITERIMA OLEH PIHAK BANK/SYARIKAT KEWANGAN/ SYARIKAT INSURANS DALAM TEMPOH SAH LAKU JAMINAN INI ATAUPUN DALAM MASA EMPAT (4) MINGGU DARI TAMATNYA TARIKH JAMINAN INI, MENGIKUT MANA YANG LEBIH KEMUDIAN.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS pihak-pihak kepada Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan dan meteri mereka pada hari dan tahun yang mula-mula tertulis di atas.

| | |
|---|---|
| Ditandatangani untuk dan bagi pihak Penjamin di hadapan | ) .............................................<br>) Nama : ..................................<br>) Jawatan : ............................<br>) Cop Bank/Syarikat Kewangan/ Syarikat Insurans: |

.........................................................................
(Saksi)

Nama : .......................................................
Jawatan : .................................................
Cop Bank/Syarikat Kewangan/Syarikat Insurans :



# BON PELAKSANAAN / PERFORMANCE BOND

TEMPOH SAH LAKU BON PELAKSANAAN :

↓

JIKA BERLAKU KELEWATAN PENYIAPAN PROJEK – LANJUTKAN TEMPOH SAH LAKU BON PELAKSANAAN

↓

PERAKUAN SIAP KERJA – BOLEH PULANGKAN 50% WJP

↓

BAKI BON PELAKSANAAN – DILEPASKAN / DIPULANGKAN – SELEPAS PERAKUAN MUKATAMAD DIKELUARKAN

# BON PELAKSANAAN / PERFORMANCE BOND



BON PELAKSANAAN – DALAM BENTUK JAMINAN :

↓

PERAKUAN SIAP KERJA – BOLEH KURANGKAN NILAINYA 50%

↓

JAMINAN ASAL DIGANTI DENGAN JAMINAN BARU YANG NILAINYA 50% NILAI ASAL JAMINAN

**JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA**
PEJABAT KETUA PENGARAH KERJA RAYA
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA,
JALAN SULTAN SALAHUDDIN,
50582 KUALA LUMPUR.

Telefon : (03) 26919011
Teleks : KRT MA 30415
Kawat : MINWORK, KUALA LUMPUR
Telefaks : (03) 26921202
: http://www.jkr.gov.my/

Ruj.Kami:( 12 )dlm.KPKR.020.050/03 Klt.5

Tarikh: 31 Januari 2002

Semua Pengarah Cawangan Ibu Pejabat JKR
Semua Pengarah Kerja Raya Negeri
Semua Pengarah Bekalan Air Negeri
Semua Pengarah JKR Unit Khas
Timbalan Pengarah Teknikal Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah
Timbalan Pengarah Teknikal Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan
Semua Jurutera Daerah
Semua Jurutera Daerah Bekalan Air

Tuan,

**Prosedur Pemulangan 50% Nilai Jaminan Bank/Insurans/ Syarikat Kewangan Apabila Perakuan Siap Kerja Dikeluarkan**

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1999 mengenai Tatacara Penyediaan, Penilaian dan Penerimaan Tender bertarikh 30 Oktober 1999 adalah dirujuk. Mengikut SPP tersebut agensi Kerajaan dibenar memulangkan 50% daripada nilai Bon Pelaksanaan kepada kontraktor sebaik sahaja Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.

2. Sehubungan dengan itu apabila menerima permohonan Kontraktor, P.P. hendaklah menimbangkan pelepasan 50% daripada nilai Bon Pelaksanaan kepada Kontraktor. Sekiranya permohonan kontraktor boleh diluluskan, P.P. hendaklah menyediakan surat kepada Penjamin iaitu Bank/ Syarikat Insurans / Syarikat Kewangan mengikut format di Lampiran I memberi pengesahan bahawa jaminan asal akan dikembalikan jika kontraktor mengemukakan jaminan baru bernilai 2.5% daripada Harga Kontrak bagi meliputi baki 50% daripada nilai bon pelaksanaan.

3. Bagi Bon Pelaksanaan dalam bentuk Wang Jaminan Pelaksanaan prosedur pemulangan 50% daripada nilai bon telahpun dijelaskan melalui surat arahan KPKR bil. (29)dlm.KPKR.020.050/03 Klt 4 bertarikh 15 Oktober 2001.

Sekian.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA & CINTAILAH BAHASA KITA'**

**(DATO' IR. HJ. ZAINI BIN OMAR)**
Ketua Pengarah Kerja Raya,
Malaysia.

s.k.
- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya I
- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya II
- Ketua Akauntan Kem. Kerja Raya
- Jurukur Bahan Negeri
- Jawatankuasa Pemandu ISO 9000

| TEMPOH SAH : (HARGA KONTRAK RM10,000,000.00) | |
|---|---|
| BON PELAKSANAAN | TK + DLP + 12 BULAN |
| INSURAN TANGGUNGAN AWAM | TK + DLP + 14 HARI + 3 BULAN |
| INSURAN KERJA | TK |

# ADVANCE PAYMENT

# CLAUSE 60.0





# BON PENDAHULUAN/ ADVANCE PAYMENT

SYARAT-SYARAT BAYARAN PENDAHULUAN : TENDER

↓

SURAT SETUJU TERIMA (SST) – TELAH DITANDATANGANI & DIKEMBALIKAN

↓

BON PELAKSANAAN TELAH DIKEMUKAKAN

↓

POLISI-POLISI INSURAN TELAH DIKEMUKAKAN

↓

JAMINAN YANG SAMA NILAI BAYARAN PENDAHULUAN TELAH DIKEMUKAKAN



# BON PENDAHULUAN/ ADVANCE PAYMENT

KLAUSA 69.1 : [SA KPKR 23/2015 – Addendum 2]

KONTRAKTOR LAYAK BAYARAN PENDAHULUAN = 25% BUILDER’S WORK, MAX RM10 JUTA



# BON PENDAHULUAN/ ADVANCE PAYMENT

KLAUSA 69.1 : [SA KPKR 23/2015 – Addendum 2]

BUILDER’S WORK = Harga Tender – (PC Sum + PROV Sum) + GST



# BON PENDAHULUAN/ ADVANCE PAYMENT

## KLAUSA 69.2 :

MULA RECOUPED BAYARAN PENDAHULUAN : BUILDER'S WORK + MATERIALS ON SITE = MENCAPAI 25%

# BON PENDAHULUAN/ ADVANCE PAYMENT



KLAUSA 69.2 :

SELESAI RECOUPED :
BUILDER’S WORK + MATERIALS ON SITE = MENCAPAI 75%



# BON PENDAHULUAN/ ADVANCE PAYMENT

## BAYARAN BALIK WANG PENDAHULUAN

| | |
|---|---|
| Nilai Kerja Pembina + 90% bahan binaan & barang di tapak | 9,100,000.00 |

$$D = 200 \; \frac{A}{B} \; \% \; P$$

$$D = 200 \; \frac{7,000,000.00}{28,000,000.00} \; \% \; 2,100,000.00$$

$$D = 1,050,000.00$$

| | | |
|---|---|---|
| RM D | = | Potongan kumulatif yang perlu dibuat |
| RM A | = | Amaun Wang Pendahuluan yang telah dibayar |
| RM B | = | Jumlah nilai kontrak Kerja Pembina |
| RM P | = | Nilai Kerja Pembina termasuk 90% daripada nilai bahan dan barang-barang takpasang yang diserah-hantar ke tapakbina tolak Amaun Wang Pendahuluan |





# VARIATIONS & VALUATION OF VARIATION

**CLAUSE 24.0 & 25.0**






























THANK YOU
THANK
YOU!!
THANK YOU